

31 Ogos, 1981

Malaysia menjadi contoh dalam banyak hal: Samy

KUALA LUMPUR. Ahad — Rakyat Malaysia mestilah turut serta dalam proses demokrasi yang diamalkan demi menjamin kebebasan dan kemerdekaan negara, kata Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu.

Mereka bukan sahaja patut mendaftarkan diri sebagai pemilih ketika kempen Pendaftaran Pemilih tetapi mengundi dalam pilihanraya, katanya.

Dalam perutusan khasnya sempena sambutan Hari Kebangsaan ke 24, Datuk S. Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata:

"Malaysia sekarang menjadi negara contoh dalam banyak aspek kehidupan, termasuk pertukaran pimpinannya yang licin".

Katanya, perlintikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri bulan lalu dan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat awal tahun ini menjadikan perayaan Hari Kebangsaan kali ini lebih bermakna kepada masa depan rakyat Malaysia.

Beliau berharap semua rakyat yang layak terus menunjukkan sokongan mereka kepada sistem demokrasi sekarang dengan menjadikan kempen pendaftaran pengundi yang berlangsung hingga 27 September tahun ini satu kejayaan seratus peratus.

Sementara itu, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho dalam perutusannya pula berkata, keharmonian di kalangan majikan dan pekerja haruslah diwujudkan demi menjamin pengeluaran yang lebih baik dan jaminan kepada masa depan semua pihak.

"Keharmonian perusahaan adalah berasaskan kepada hakikat yang nyata bahawa manusia itu saling memerlukan satu sama lain," katanya.

Dari itu, katanya, setiap majikan mestilah bertimbangrasa ketika mengendalikan tugas yang bersangkutan pekerja mereka dan sebaliknya para pekerja pula mestilah memahami masalah dan cabaran yang dihadapi.